

Dr **Mohd Yahya Mohd Ariffin**



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

# Keperluan ketika memohon kerja

Sebelum memohon pekerjaan, calon perlu memberi perhatian kepada beberapa perkara iaitu borang permohonan, surat permohonan, resume, salinan dokumen serta foto terkini. Kesilapan mengisi borang atau resume yang tidak dikemas kini menyebabkan permohonan calon ditolak oleh bakal majikan.

## Borang permohonan

Permohonan kerja memerlukan calon mengisi borang khas yang boleh diperolehi di organisasi itu atau dimuat turun dari laman web mereka. Sebelum mengisi borang calon hendaklah membaca semua arahan dengan teliti.

Ruangan yang perlu diisi lazimnya meliputi pekerjaan yang dipohon, maklumat diri, latar belakang pendidikan, kelulusan dan aktiviti kokurikulum. Borang permohonan perlu ditulis dengan jelas dan kemas. Pastikan borang ditandatangani dan dihantar sebelum tarikh tutup.

## Surat permohonan

Banyak organisasi tidak menyediakan borang permohonan, sebaliknya memadai dengan calon menghantar surat permohonan. Dalam hal ini, calon perlu tahu cara dan format menulis surat permohonan kerja.

Bagi jawatan dalam sektor swasta, surat ini harus ditulis dalam bahasa Inggeris. Terdapat juga agensi kera-

jaan yang memerlukan calon menghantar surat permohonan kepada mereka.

Cara menulis surat permohonan amat penting kerana boleh mempengaruhi bakal majikan. Kandungan surat itu perlu ringkas dan padat serta meyakinkan mengenai kualiti dan kelebihan yang dimiliki.

Menurut Verderber dan Verderber (2008) surat perlu mendapat perhatian bakal majikan yang mengandungi kelayakan calon serta permohonan diadakan satu sesi temu duga. Surat permohonan yang tidak lengkap serta kurang menarik mungkin menyebabkan calon tidak dipanggil untuk ditemu duga.

Surat perlu disediakan secara rasmi dengan ditaip, kemas dan mudah dibaca. Penulis akan memberi contoh surat permohonan sebagai panduan pada keluaran akan datang.

“**CARA MENULIS SURAT PERMOHONAN AMAT PENTING KERANA BOLEH MEMPENGARUHI BAKAL MAJIKAN. KANDUNGAN SURAT ITU PERLU RINGKAS DAN PADAT SERTA MEYAKINKAN MENGENAI KUALITI DAN KELEBIHAN YANG DIMILIKI**”

## Resume

Dalam setiap permohonan kerja resume lengkap calon perlu disertakan meliputi pencapaian akademik, aktiviti kokurikulum, kebolehan dan kesesuaian terhadap kerja yang dipohon. Pembabitatan kokurikulum di institusi pengajian tinggi (IPT) akan membantu menampilkan sikap kepemimpinan dan kecekapan seseorang.

Lazimnya, calon yang mempunyai kelayakan akademik yang baik serta aktif dalam kokurikulum akan mendapat lebih perhatian berbanding mereka yang hanya mempunyai kelayakan akademik. Calon perlu memasukkan maklumat pekerjaan seperti pengalaman kerja atau latihan industri serta nama majikan.

Jika mempunyai kemahiran beri keterangan tentang kemahiran yang dimiliki selain pembabitatan dalam badan profesional, sukan, badan amal dan organisasi bukan kerajaan. Berikan

nama, alamat dan nombor telefon sekurang-kurangnya dua orang yang boleh memberi keterangan tentang diri calon. Pastikan calon mendapat kebenaran mereka terlebih dahulu.

Penulisan resume yang baik harus dipersembahkan secara tersusun iaitu pendidikan, pengalaman, profesional dan anugerah dan penghargaan. Gunakan pencetak laser dan dicetak pada satu muka supaya nampak lebih kemas. Panjangnya antara satu hingga tiga halaman bergantung kepada banyak mana maklumat penting yang dimasukkan.

Maklumat latar belakang pendidikan, pengalaman kerja dan aktiviti kokurikulum hendaklah ditulis secara terkini dan diakhiri dengan yang terdahulu. Maklumat diri harus ringkas, kemas serta tidak ada kesilapan ejaan dan tata bahasa. Penulis akan memberi contoh resume sebagai panduan pada keluaran akan datang.

## Salinan dokumen

Setiap permohonan kerja perlu dilampirkan salinan dokumen penting seperti salinan kad pengenalan, sijil kelulusan akademik serta sijil yang menunjukkan pembabitatan calon dalam kegiatan kokurikulum di IPT.

Semua salinan ini perlu disahkan oleh individu yang diiktiraf seperti pensyarah, pegawai IPT atau pegawai kerajaan. Salinan sijil perlu sebagai bahan bukti bahawa calon mempunyai kelayakan yang sesuai dengan jawatan yang dipohon serta menunjukkan pembabitatan aktif calon ketika pengajian.

## Gambar

Calon perlu sertakan gambar warna terkini ukuran passport bagi setiap permohonan mengikut jumlah yang dikehendaki. Lazimnya bakal majikan akan meminta calon menyertakan gambar bersama dengan borang permohonan atau dalam resume bertujuan melihat wajah pemohon.

Oleh itu, gambar calon perlu kelihatan kemas dan bergaya. Misalnya, calon lelaki harus bertali leher, berkemeja dan memakai blazer. Perempuan pula harus kelihatan anggun dengan mengenakan baju yang tidak mendedahkan, bertudung dengan wajah yang ceria, rambut disisir dan diikat kemas serta solekan yang tidak keterlaluan.